



## **KULIM (MALAYSIA) BERHAD**

### **POLISI PENCEGAHAN DAN PEMBASMIAN GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA**

KULIM memperakui bahawa gangguan seksual wujud di tempat kerja dan masyarakat secara umumnya. KULIM berusaha untuk menghapuskan sebarang bentuk gangguan seksual di tempat kerja dan sebarang kemungkinan yang berupaya mempengaruhi tingkah laku anggota pekerjaannya di persekitaran sosial. KULIM berhasrat untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat di mana semua anggota pekerjaannya; tanpa mengira status, kedudukan atau jantina, dilayan dengan penghormatan dan bebas dari sebarang bentuk gangguan, penghinaan dan ancaman berbentuk seksual. Oleh itu, KULIM tidak akan berkompromi dengan gangguan seksual.

KULIM telah mengadoptasi takrif gangguan seksual yang diperolehi daripada Akta Pekerjaan 1955 yang bermaksud:

Mana-mana kelakuan yang tidak diingini yang bersifat seksual, sama ada secara lisan, tidak lisan, visual gestural atau fizikal ditujukan kepada seseorang yang akan menyinggung perasaan dan memalukan atau menjadi ancaman terhadap kesejahteraannya yang timbul semasa dia bekerja.

Walaupun Dasar ini digunapakai untuk anggota pekerja KULIM, KULIM juga berhak untuk mengambil tindakan undang-undang yang diperlukan terhadap pelawat, pelanggan dan kontraktor jika terdapat keperluan.

Diluluskan Oleh:

ZULKIFLY ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif

01 Mei 2018